

PM dedah usaha pengaruhi polis, tentera guling kerajaan

BH 17 APR 2001

SHAH ALAM, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan, ada usaha pihak tertentu untuk mempengaruhi polis dan tentera supaya bersama-sama mengguling kerajaan sedia ada.

Perdana Menteri berkata, kumpulan itu mahu kerajaan baru mengambil alih dengan berusaha se daya upaya untuk melemahkan kerajaan yang ada, dengan berselindung di sebalik prinsip demokrasi.

Bagaimanapun, katanya, majoriti pasukan keselamatan termasuk anggota tentera masih bersikap profesional dan tidak terpengaruh dengan hasutan itu, sebaliknya terus memberi kesetiaan serta sokongan kepada kerajaan sedia ada.

“Dengan profesionalisme polis dan tentera, negara kita aman. Memang benar ada percubaan untuk mencetuskan huru hara tetapi oleh kerana disiplin dan tertibnya pihak yang dipertanggungjawab untuk menjaga keamanan di dalam negara, kita dapati percubaan ini dengan mudahnya dapat digagalkan.

“Ada yang berpendapat bahawa apa yang berlaku di negara lain, mungkin juga boleh dilakukan di negara ini,” katanya berucap merasmikan persidangan pesuruhjaya polis, ketua polis, komander dan komandan polis dari seluruh negara di sini, hari ini.

Dr Mahathir kemudian mengadakan dialog tertutup selama kira-kira 45 minit. Hadir sama ialah

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Beliau berkata, rakyat negara ini bersyukur kerana kebanyakan anggota keselamatan faham mengenai tugas masing-masing serta selok belok amalan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

“Yang tidak faham mungkin sedikit di kalangan orang baru (polis) yang tidak faham pentingnya profesionalisme. Mungkin sedikit sahaja yang terpengaruh tetapi pengaruh ini harus dibantulas, dikikis kerana ia mempunyai bahaya besar kepada kita, kalau-kalau

ia berkembang luas di kalangan anggota profesional di negara kita.

“Sebenarnya, ada yang amat tertarik dengan cara mencetus huru hara untuk menjayakan perjuangan mereka. Apa yang mereka tidak faham ialah sekali kita terima budaya huru hara ini, selama-lamanya ia akan menjadi sebahagian daripada budaya kita,” katanya.

Dr Mahathir percaya, jika suatu hari nanti mereka yang menghasut supaya diadakan keadaan huru-hara untuk menggulingkan kerajaan, mereka juga akan menghadapi masalah sama dan kesan yang sama, apabila memegang tampuk pemerintahan.

Katanya, proses itu

akan berterusan dan sesiapa sahaja yang berjaya mendirikan kerajaan, akan menghadapi tekanan serta masalah yang sama.

“Akhirnya apa yang berlaku ialah negara tidak akan mempunyai kerajaan yang berwibawa, yang mampu mentadbir dan membangunkan negara. Kerajaan yang ada akan menghabiskan masanya untuk mempertahankan kedudukannya daripada serangan luar dan dalam negara.

Beliau berkata, kerajaan tidak teragak-agak untuk menyokong tindakan polis bagi memastikan keamanan dan keharmonian rakyat majoriti terjamin walaupun pihak polis kadang-kala terpaksa menggunakan kekerasan.